

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN NO. 289

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah hutang peneroka FELDA yang telah dikenal pasti untuk dihapuskan termasuk hutang wajar atau hutang tidak wajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer) dan hutang Baja.
2. Berdasarkan hutang peneroka di ketiga-tiga kategori di atas, hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka. Pembangunan tanam semula perlu dilaksanakan apabila kebun tidak lagi ekonomik iaitu pengeluaran hasil rendah dan perbelanjaan kos operasi tinggi. Daripada aspek fizikal tanaman, pokok sawit telah berusia 25 tahun di mana ketinggian pokok melebihi 40 kaki. Majoriti peneroka memerlukan bantuan FELDA untuk menanam semula disebabkan

faktor kewangan, kemahiran dan tenaga untuk melaksanakan kerja penanaman semula. Namun, tidak dinafikan terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri.

3. Hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula ini dipecahkan kepada dua komponen iaitu kos operasi kebun dan pembiayaan peneroka. Kos operasi kebun adalah kerja-kerja pertanian sebelum, semasa dan selepas menanam sehingga pokok berhasil sampai titik pulang modal. Manakala komponen pembiayaan peneroka pula adalah Pinjaman Sara Hidup dan Pinjaman Pendahuluan Hasil. Ia diberikan kepada peneroka sejak tahun 1994 bagi membiayai pendapatan peneroka ketika tempoh tanam semula.
4. Sehingga Disember 2018, baki hutang Pembangunan Kebun adalah sebanyak RM4,394.34 juta melibatkan 75,225 orang peneroka. Baki hutang Sosio Ekonomi pula adalah sebanyak RM1,049.72 juta melibatkan 79,966 orang peneroka. Manakala baki hutang Baja adalah sebanyak RM131.10 juta melibatkan 42,603 orang peneroka. Jumlah keseluruhan baki hutang bagi ketiga-tiga kategori tersebut adalah RM5,575.16 juta.
5. Kementerian mengambil maklum berkaitan hutang Pembangunan Tanam Semula ini dikenakan faedah pada kadar efektif 3.8%. Selain itu, kos jalan pertanian dan isu berkaitan bekalan baja dan lain-lain input pertanian bagi kebun-kebun peneroka juga memberi kesan kepada hutang peneroka.
6. Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” telah mengenal pasti beberapa inisiatif bagi penstrukturan semula hutang peneroka dengan penyusunan semula pinjaman dan penghapusan faedah hutang kebun peneroka serta penambahbaikan pengurusan kutipan pinjaman.

Sekian, terima kasih.